

# M-WEZ: Ekosistem Selat Melaka terancam

Mingguan Melayu 29/6/2022 ms: 38

**MELAKA:** Tindakan kerajaan negeri meluluskan tambakan laut hampir 1,232 hektar hanya dalam jangka masa dua tahun iaitu 2020 dan 2021, khususnya untuk Zon Pembangunan Ekonomi Persisiran Pantai Melaka (M-WEZ) dikhuatiri mendatangkan impak negatif kepada Selat Melaka.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Laksamana, Low Chee Leong berkata, perubahan ekosistem di Selat Melaka didakwa boleh mengundang bencana banjir yang lebih teruk kepada rakyat negeri ini.

Katanya, berdasarkan jawapan diberikan dalam Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Mac tahun ini, jumlah keseluruhan tambakan laut sepanjang lima tahun dari 2016 sehingga 2021 adalah berkeluasan 1,870 hektar.

“Mengikut jawapan yang diberikan dalam persidangan dewan Mac tahun ini, kerajaan negeri meluluskan tambakan laut seluas 480 hektar kepada sebuah syarikat pada 8 April 2020 iaitu selepas Langkah Sheraton.

“Seterusnya pada 29 Jun 2021, sejumlah 476 hektar

tambakan laut diluluskan pada sebuah lagi syarikat. Tak sampai tiga bulan, September tahun lepas M-WEZ diluluskan. Saya berpendapat bahawa, keluasan tanah tambakan laut ini tidak memberi sebarang manfaat kepada rakyat biasa di Melaka.

‘Ia dijangka membawa impak negatif seperti banjir kilat dan ekosistem di Selat Melaka. Saya ingin menyeru sungguhpun M-WEZ diluluskan dalam DUN, maka kelulusan ini harus dibatalkan demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat,’ katanya dalam sidang akhbar khas di Pejabat Ahli Parlimen Kota Melaka di sini, semalam.

Sebelum ini, *Utusan Malaysia* melaporkan, kerajaan negeri disaran membatalkan tujuh projek di bawah M-WEZ kerana didakwa berpotensi tinggi menjadi ‘projek gajah putih’.

Pandangan itu berasaskan susulan pelan induk untuk M-WEZ yang dibentang baru-baru ini selepas pelancaran projek tersebut pada April 2021, dilihat tidak memberi pulangan maksimum kepada rakyat.